



KETUA PENGARAH
Unit Pemodenan Tadbiran Dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok B2
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

MAMPU

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8888 3163
Portal Rasmi : www.mampu.gov.my
Email : kp@mampu.gov.my

Ruj. Kami : MAMPU.700-4/2/2 (66)
Tarikh : 26 Januari 2015

SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Datuk/ Dato',

PELAKSANAAN DAN PENGGUNAAN APLIKASI DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS) SEKTOR AWAM

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Datuk/ Dato' kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato' sedia maklum bahawa aplikasi DDMS ialah satu sistem pengurusan rekod kerajaan secara elektronik yang menyokong Program Transformasi Ekonomi (ETP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) EPP6: Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI). Projek ini dapat meningkatkan kepentasan akses, mengurangkan penggunaan kertas serta menjamin perkhidmatan kerajaan yang lebih telus melalui penggunaan aplikasi ICT.

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato' juga, aplikasi DDMS telah dilaksanakan di MAMPU dan PEMANDU mulai Mac 2014 sebagai agensi perintis. Seterusnya, MAMPU telah mengadakan satu mesyuarat penyelarasan pada 22 Januari 2015 bagi mengatur langkah-langkah memperluaskan penggunaan aplikasi DDMS di samping mengambil maklum akan kekangan dan keperluan bagi membantu kelancaran pelaksanaannya. Pelaksanaan penggunaan aplikasi DDMS telah dirancang supaya dipergiatkan mulai 16 Februari 2015 untuk meliputi semua kementerian. Sehubungan itu,

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI



YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato' adalah dimohon untuk mengambil tindakan awalan seperti berikut:

- a) memastikan klasifikasi fail Kementerian tersedia selaras dengan Perkara 7.4, Bahagian VII, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007: Panduan Pengurusan Pejabat;
- b) menyediakan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) meliputi semua rekod jabatan mengikut Panduan Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod bagi memenuhi kehendak Seksyen 27 Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629];
- c) memohon pewujudan Seksyen Pengurusan Rekod dan jawatan kader Pegawai Arkib dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berdasarkan surat Jabatan Perkhidmatan Awam [Ruj. Surat: JPA.BPO(S)215/65/14(24) bertarikh 31 Disember 2012]; dan
- d) melantik seorang Duta (*Ambassador*) DDMS bagi setiap bahagian atau seksyen di Kementerian bagi membantu warga Kementerian dalam penggunaan aplikasi DDMS;

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato', aplikasi DDMS ini mendapat perhatian utama daripada pihak PEMANDU dan merupakan antara *Key Performance Indicator* (KPI) kepada Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan itu, MAMPU telah diarahkan untuk memastikan semua kementerian segera menggunakan aplikasi tersebut supaya dapat dilaporkan akan kemajuan pemakaianya dari semasa ke semasa.

5. Bagi memudahkan pemakaian aplikasi ini, pihak Arkib Negara Malaysia telah mengeluarkan **Tatacara Pengurusan Rekod Dengan Penggunaan Aplikasi DDMS** seperti di **Lampiran A** yang antara lainnya menyentuh skop, objektif dan tatacara pengurusan rekod dalam persekitaran elektronik. Sebagai persediaan bagi membantu pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato' dalam menjayakan pelaksanaan peluasan, bersama-sama ini turut disertakan **Jadual Pelaksanaan Peluasan DDMS** yang telah dibincang dan dipersetujui untuk dilaksanakan di semua kementerian seperti di **Lampiran B**.

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato' berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya